



Putra Idol UPMKB Kutip Dana Untuk Rumah Orang Tua Seri Kenangan SibU



Nur Shima menerima hadiah d Johan Putra Idol 2010 daripada Profesor Dr. Japar Sidik.

BINTULU – Pertandingan nyanyian karaoke Bakti Amal Putra Idol 2010 anjuran pelajar Kursus Baktisiswa Kumpulan 3 (QKK2101) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) berjaya mengumpul dana sebanyak RM1,500 untuk disumbangkan kepada rumah orang tua Seri Kenangan, SibU.

Sebanyak 44 penyertaan daripada pelajar, staf dan keluarga staf UPMKB mendapat sambutan daripada lebih 1,000 penonton di Dewan Serbaguna yang merupakan dewan baharu UPMKB.

Penasihat program dan fasilitator kursus, Sudirman Asmadi berkata Putra Idol 2010 yang diadakan selama tiga malam menjana kutipan dana melalui jualan tiket penonton selain menyediakan tabung kutipan derma.



Antara panel juri yang memberi kritikan persembahan peserta diketuai oleh Dr. Seca Gandaseca (dua dari kanan).

Daripada 12 finalis iaitu enam pelajar dan enam staf atau ahli keluarganya, pelajar semester 1 Diploma Perniagaantani, Nur Shima Naney Suhaimin muncul juara diikuti oleh Naib Johan, Merazan Mechang, staf Taman Pertanian UPMKB dan tempat ketiga iaitu Ariffuddin Saffiee mewakili keluarga staf.

Hadiah disampaikan oleh Dekan Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Profesor Dr. Japar Sidik Bujang.

Program itu adalah lanjutan lawatan pelajar kursus ke rumah Seri Kenangan Sibu pada 2 hingga 3 Oktober lalu untuk mengadakan gotong-royong dan pemberian barangan keperluan.



Sokongan dan sorakan pelajar serta penonton yang hadir, menggamatkan lagi suasana pertandingan nyanyian Putra Idol 2010. Penonton juga berpeluang membuat undian Peserta Popular.

Profesor Dr. Japar menyifatkan penganjuran program yang julung kali itu bukan sahaja mencungkil bakat nyanyian pelajar UPMKB tetapi syarat pertandingan yang mengutamakan lirik lagu berunsur nasihat, kedamaian dan sayang-menyayangi menimbulkan keinsafan kepada pelajar dan penonton.



JUARA PUTRA IDOL 2010 Nur Shima Naney Bt. Suhaimin.

Berita asal oleh Sudirman Asmadi 086-855289 / 013-8343938 dan disunting oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM Serdang.